


**TRIBUTE TO THE LATE SUPPIAH/L PAKRISAMY  
BY DATUK DR ABDUL RAMAN SAAD**



Dengan izin Yang Arif

*Yang Berusaha Pengerusi Jawatankuasa Peguam Johor Bahru, Encik R Jayabalan.*

*Wakil daripada Majlis Peguam, Puan Shahareen Begum.*

*Yang Berusaha wakil daripada Peguam Negara, Puan Zabilah Mohammad Yusoff, Pengarah Guaman Johor.*

Kita berkumpul pada pagi yang mulia ini adalah untuk memberikan penghormatan kepada mendiang Suppiah Pakrisamy yang juga dikenali ramai sebagai P. Suppiah.

Mendiang P. Suppiah telah dilahirkan di Singapura pada tahun 1930 yang dikenali sebagai Zaman Meleset (“The Great Depression”).

Semasa kelahiran mendiang, seorang tukang tilik telah memberitahu ayahanda mendiang bahawa anak kecil yang baru lahir ini akan hidup sehingga umur 72 tahun. Walau bagaimanapun, andaian tukang tilik tersebut silap kerana hayat mendiang adalah sehingga beliau berumur 89 tahun (mendiang meninggal dunia pada 3 Ogos 2019)

Mendiang P. Suppiah telah beramal sebagai Peguambela dan Peguamcara lebih 55 tahun, iaitu satu jangka hayat yang agak panjang jika dibandingkan purata 80% daripada Ahli Majlis Peguam yang sedia ada. Mendiang mendapat pendidikan awal bermula pada tahun 1936 di Rangoon Road School di Singapura, dan kemudian di McNair School. Seterusnya, pendidikan menengah di Monk’s Hill Secondary School. Walau bagaimanapun, pengajian awal mendiang terganggu akibat penaklukan tentera Jepun yang tiba di Singapura pada 15 Februari 1942

dan kotaraya Singapura telah bertukar nama kepada “Syonan-to” (“Light of the South”).

Semasa pemerintahan Jepun, pembelajaran ramai anak muda termasuk mendiang telah tergenda dan mereka telah dikerah untuk menghadiri sekolah pertukangan di Geylang Road.

Setelah tamat pemerintahan Jepun di Singapura, British mengambil alih pemerintahan dan pada tahun 1945 mendiang meneruskan pembelajaran di Victoria Secondary School, Singapura.

Walau bagaimanapun, peristiwa penaklukan tentera Jepun dan pengambilalihan pemerintah oleh British di Singapura bukan alasan keciciran pendidikan apabila mendiang berjaya lulus peperiksaan Senior Cambridge Examination pada tahun 1954, dan melanjutkan pendidikan ke sekolah undang-undang, di England.

Mendiang telah menamatkan pengajian undang-undang di Lincoln’s Inn, London dan telah diterima masuk dan didaftarkan sebagai Peguambela & Peguamcarsa di English Bar pada tahun 1959.

Mendiang memulakan kerjayanya sebagai Pelatih Dalam Kamar di firma guaman, M. Ismail & Co di bawah pengawasan dan tunjuk ajar Pupil Master, K. Visvalingam.

Mendiang diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguambela dan peguamcara di Singapura pada tahun 1960 dan di Malaysia pada tahun 1961.

Pada tahun 1964, mendiang berhenti beramal sebagai peguam di firma M. Ismail & Co dan menyertai perkhidmatan tentera Malaysia selaku Pegawai Undang-undang dengan pangkat Kapten.

Mendiang telah menyertai perkhidmatan tentera Malaysia semasa Singapura masih sebahagian daripada Malaysia. Antara tugas-tugas mendiang selaku Pegawai Undang-undang Kementerian Pertahanan ialah menjalankan pendakwaan kes-kes tentera, mengubal undang-undang, menyediakan draf undang-undang, serta membuat pengubalan undang-undang serta memberi nasihat kepada Majlis Kementerian Pertahanan.

Mendiang meninggalkan perkhidmatan di Kementerian Pertahanan pada tahun 1969 dan beramal semula sebagai peguambela dan peguamcara di Johor Bahru dan Singapura.

Di Johor Bahru, mendiang sambung beramal sebagai peguam di Tetuan M. Ismail & Co dan beramal sebagai peguam sehingga akhir hayatnya.

Secara peribadi, saya mengenali mendiang selaku peguam di Johor Bahru pada tahun 1974 di mana beliau merupakan rakan kongsi di Tetuan Singh & Suppiah dan pada waktu itu saya merupakan seorang Majistret di Johor Bahru.

Mendiang menumpukan bidang litigasi, sivil dan jenayah sebagai bidang pilihan amalannya kerana minatnya yang mendalam khususnya dalam undang-undang jenayah. Keberanian dan kelantangan berhujah menjadikan mendiang disegani dan dihormati ramai.

Mendiang sering dipuji dan diteladani kerana perjuangan mendiang mempertahankan anakguamnya. Sifat pantang undur untuk menegakkan keadilan, mencerminkan prinsip kukuh yang dimiliki oleh mendiang sebagai pengamal undang-undang yang disegani.

Dalam kerjaya, mendiang adalah antara peguam yang menjalankan kerjayanya di Singapura (mendiang mempunyai firma guamannya sendiri) dan di Johor Bahru. Mendiang komited dalam kerjayanya dengan sering berulang alik di antara Singapura dan Johor Bahru bagi menjalankan tugasnya selaku peguam.

Mendiang banyak mengendalikan kes berprofil tinggi di Singapura. Antaranya ialah pembelaan ke atas tiga pihak yang dituduh bagi kes pembunuhan di Pulau Senang dan juga kes profil tinggi “Gold Bar Murder” di Singapura dan anakguam beliau telah dilepaskan daripada pertuduhan setelah bersetuju untuk menjadi saksi pendakwaan.

Bermula pada 1 Mei 2002, mendiang menyertai Tetuan Abdul Raman Saad & Associates (“ARSA”) sebagai Konsultan selama 17 tahun dan memberi tunjuk ajar serta melatih peguam-peguam ARSA dalam bidang litigasi dan sivil.

Mendiang juga memainkan peranan aktif dengan melibatkan diri dalam aktiviti Majlis Peguam dan juga merupakan Pengurus Johor Bar Committee pada tahun 2010 – 2011.

Mendiang bukan sahaja dikenali sebagai seorang peguam yang berwibawa, tetapi juga merupakan seorang yang berminat dalam sukan bola sepak dan

golf. Mendiang pernah menyandang Jawatan Vice-President Singapore Amateur Football Association pada tahun 1963/1964 dan juga Penasihat undang-undang kepada Asian Football Federation. Selain daripada sukan bola sepak, mendiang juga seorang pemain golf dan pernah menjuarai beberapa pertandingan golf, antaranya pertandingan golf yang dianjurkan oleh Senior Golfers’ Society.

Pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh mendiang semasa hayatnya telah memenuhi segala cita-cita, hasrat dan impiannya dalam kerjaya selaku peguam dan dalam minatnya terhadap sukan bola sepak dan golf.

Mendiang yang telah meninggal dunia pada 3 Ogos 2019, meninggalkan seorang balu dan dua orang anak.

Pemergian mendiang amat dirasai kerana mendiang dikenali di kalangan rakan-rakan sebagai seorang yang berperibadi baik, mudah dan disenangi. Mendiang sering memberi tunjuk ajar dengan ikhlas dan merupakan seorang yang baik hati.

Pemergian mendiang adalah diratapi oleh semua pihak, terutama keluarga, rakan-rakan peguam dan juga pemain-pemain golf di bandar ini.

Saya akhiri ucapan saya ini dengan satu peribahasa yang menggambarkan tauladan yang boleh diambil dari kisah mendiang iaitu *“Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”* yang bermaksud kita hendaklah meningkatkan taraf sebagai pengamal undang-undang profesionalisme, dengan mengambil tauladan daripada mendiang yang mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dan berintergriti sebagai taulan bagi generasi sekarang dan akan datang.

Yang Arif, saya dengan hormatnya mengusulkan supaya Rekod Prosiding Memperingati ini disimpan di Arkib Mahkamah yang mulia ini dengan sesalinan diserahkan kepada keluarga mendiang yang kita kenang dan ingati pada prosiding hari ini.

Terima kasih.

**DATUK DR ABDUL RAMAN SAAD  
MEMBER OF JOHORE BAR**

(Source : INFO Johore Bar Newsletter, Issue 26, November 2022)